

13 MAR 1997

Mahathir-Tiba

MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI KE JOHOR

JOHOR BAHRU, 13 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini untuk memulakan lawatan rasmi dua hari ke Johor.

Ketibaan Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai disambut oleh Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman serta para pembesar negeri.

Perdana Menteri kemudian mengadakan perjumpaan dengan anggota jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Johor di Hotel Sofitel, bersebelahan lapangan terbang.

Selepas itu di hotel yang sama, Dr Mahathir menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pembelian tanah kawasan perindustrian Tanjung Langsung berhampiran Pasir Gudang antara Perbadanan Johor dan Titan Himont Sdn Bhd.

Titant Himont kini mempunyai kilang yang terletak di kawasan perindustrian Pasir Gudang.

Perdana Menteri kemudian akan menaiki kereta untuk melawat Ladang Nam Heng, milik Perbadanan Johor, di Kota Tinggi.

Dari ladang itu, Perdana Menteri dan rombongan akan menaiki bot untuk meninjau persekitaran Sungai Johor sebelum ke Sebana Cove and Marina Resort, yang dimajukan oleh Arab-Malaysian Development Berhad, di Pengerang kira-kira 80 kilometer dari Kota Tinggi.

Di Sebana Cove, Dr Mahathir akan menandatangani plak peringatan dan melancarkan Hompej Sebana.

Pengerusi Arab-Malaysian Development Berhad Tan Sri Azman Hashim pula akan menyampaikan kad keanggotaan kehormat kepada Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah.

Esok, Perdana Menteri dan isteri akan bersarapan di Rumah Kelab Golf Sebana Cove sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur. -- BERNAMA

MKO RI RON